

PSP langkah pertama membantu rakyat

UTUSAN: Apakah kesan pelaksanaan PSP kepada penerima dan adakah program itu benar-benar membantu?

AHMED RAZMAN: Kalau kita lihat kali ini subsidi itu lebih besar iaitu diterima oleh mereka yang berada di bawah program Bantuan Sara Hidup (BSH) yang kerajaan sudah kenal pasti mereka yang benar-benar memerlukan. Bagi saya program ini membantu kerana mereka yang layak menerima duit yang dimasukkan ke dalam akaun, cuma kita tidak tahu sama ada duit itu akan digunakan untuk membeli minyak atau tidak.

Apakah pelaksanaan subsidi seperti ini benar-benar besar dan saksama?

Perkara ini (PSP) sepatutnya menjadi langkah pertama kepada beberapa langkah yang kerajaan akan lakukan bagi membantu golongan benar-benar memerlukan bantuan.

Apakah kesan kepada mereka yang tidak menerima bantuan tersebut termasuk golongan M40?

Walaupun, berpendapatan RM4,000 tetapi duduk di bandar dan sebenarnya mereka (golongan M40) memerlukan bantuan subsidi petrol. Oleh itu, langkah kedua kepada pelaksanaan subsidi ini harus melihat golongan M40 yang tinggal di bandar kerana mereka turut mengalami kesesakan hidup.

MUKADIMAH

5 SOALAN

KEPUTUSAN kerajaan untuk melaksanakan Program Subsidi Petrol (PSP) dan pengapungan harga minyak tahun hadapan mengundang rasa gusar banyak pihak yang bimbang akan kemungkinan berlakunya peningkatan harga barangan dan perkhidmatan secara mendadak selepas ini.

Benarkah perkara sedemikian rupa bakal berlaku? Wartawan *Utusan Malaysia*, **AZRUL HAKIMIE ANUER** mendapatkan pandangan dari Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), **PROF. MADYA DR. AHMED RAZMAN ABDUL LATIFF** bagi mendapatkan pandangan beliau.



Bagaimana pengumuman kerajaan ini akan mempengaruhi persekitaran ekonomi terutama apabila harga minyak turut diapungkan?

Saya menjangkakan memang akan ada orang yang akan mengambil kesempatan menaikkan harga barangan terutamanya jika minyak diapungkan dan harga minyak global meningkat dengan ketara. Mereka akan ambil kesempatan walaupun impak kepada produk dan perkhidmatan sebenarnya minimum. Yang penting di sini adalah pemantauan oleh

agensi kerajaan dan penguat kuasa yang berkaitan serta kerjasama rakyat untuk melaporkan perkara sebenar.

Ramai mendesak kerajaan menangguhkan PSP dan pengapungan minyak, adakah Prof bersetuju atau tidak dan mengapa?

Kebimbangan mereka itu berasas, kerajaan perlu beri jaminan bahawa bantuan subsidi petrol tidak terhenti hanya kepada mereka di dalam kelompok penerima BSH sahaja tetapi berterusan mengenal pasti golongan yang memerlukan bantuan itu.